

FAQ PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

Q : **Apakah yang dimaksudkan penangguhan pembayaran balik pembiayaan yang ditawarkan oleh TEKUN?**

A : Ia adalah penangguhan automatik pembayaran balik pembiayaan selama enam bulan untuk membantu usahawan yang terjejas dengan wabak Covid-19.

Q : **Apakah kriteria kelayakan penangguhan ini dan bilakah bermulanya penangguhan ini?**

A : Penangguhan ini diberikan kepada pembiayaan yang tidak tertunggak melebihi enam bulan pada 29 Februari 2020 dan ianya bermula dari Mac 2020 dan berakhir pada Ogos 2020.

Peminjam yang mempunyai tunggakan kurang daripada 6 bulan adalah dinasihatkan untuk menjelaskan tunggakan ini atau membuat penjadualan semula pembiayaan setelah tamatnya tempoh penangguhan.

Q : **Apakah yang perlu dilakukan oleh usahawan untuk mendapatkan penangguhan ini?**

A : Anda tidak perlu berbuat apa-apa. Penangguhan ini adalah automatik. TEKUN juga tidak melantik mana-mana agen atau pihak ketiga untuk proses penangguhan ini.

Q : **Adakah Cek Tarikh Tertunda (Post Dated Cheque) saya akan ditunaikan sepanjang tempoh penangguhan ini atau akan ditunaikan sekaligus**

A : Semua Cek Tarikh Tertunda (Post Dated Cheque) mulai 18 Mac 2020 adalah ditangguhkan dan akan ditunaikan mengikut urutan bermula pada September 2020. Bagi Cek Tarikh Tertunda (Post Dated Cheque) bulan Mac yang telah ditunaikan, cek peminjam seterusnya akan mula ditunaikan pada Oktober 2020 iaitu sebulan selepas tamat tempoh penangguhan.

Q : **Bolehkah saya membayar seperti biasa sepanjang tempoh penangguhan ini?**

A : Anda boleh membuat bayaran menerusi Aplikasi TEKUN Pay (mobile apps), perbankan internet, CDM dan saluran pembayaran TEKUN yang lain.

Q : Adakah rekod pembayaran balik saya akan terjejas dengan penangguhan ini?

A : Tidak, rekod pembayaran balik anda tidak terjejas sepanjang tempoh penangguhan ini.

Q : Adakah saya dikenakan sebarang caj kerana penangguhan ini.

A : Tiada sebarang caj tambahan dikenakan sepanjang penangguhan ini.

Q : Adakah tempoh pembiayaan saya akan sama seperti asal atau dipanjangkan?

A : Tempoh pembiayaan anda akan dipanjangkan selama 6 bulan.

Q : Apakah yang perlu saya buat selepas berakhirnya tempoh 6 bulan penangguhan tersebut?

A : Setelah tamat tempoh penangguhan tersebut, pembayaran balik pembiayaan perlu dibuat seperti biasa (mulai September 2020).

Q : Sekiranya saya bertunggakan melebihi 6 bulan (tidak layak penangguhan), apakah bantuan yang boleh diberikan oleh TEKUN?

A : Sekiranya anda bertunggakan melebihi 6 bulan, anda dinasihatkan untuk membayar tunggakan tersebut atau membuat penjadualan semula pembiayaan di Pejabat TEKUN Cawangan selepas berakhirnya PKP ini.

Q : Saya baru menerima pembiayaan pada Mac dan akan mula membayar pada April 2020, adakah saya layak mendapat penangguhan?

A : Anda layak mendapat penangguhan sehingga Ogos 2020. Semua penangguhan akan berakhir pada Ogos 2020 termasuk bagi pembiayaan yang baru dikeluarkan.